

# **PEWUJUDAN PELAN PELBAGAI PERSEMPADANAN KARIAH MASJID : Kajian Kes Masjid Sultan Idris Shah II, Slim River, Perak Darul Ridzuan**

**Oleh:**

Roslan bin Abd Ghani  
Ketua Program Ukur (Pemetaan)  
Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN

## **Abstrak:**

*Rasanya tidak ada pihak yang berasa terkejut jika sehingga ke hari ini masih belum ada pelan, walau atas nama apa sekalipun, yang memaparkan kawasan kariah sesuatu masjid itu. Ditambah pula isu kariah masjid tidak banyak dibawa dalam perbincangan terbuka. Tidak kedengaran seseorang itu didakwa kerana tidak bersolat Jumaat di masjid dalam kariahnya. Tidak hairanlah jika ahli masyarakat tidak memandang serius dalam isu kariah ini. Kertas ini bertujuan untuk mengenangkan satu cadangan inovatif bagi memetakan kawasan kariah sesuatu masjid itu. Kajian ini menggunakan berbagai kaedah dan pendekatan dalam mencapai objektif yang dinyatakan. Ia termasuklah, pemerhatian di lapangan melalui wawancara dengan pengamal agama, menyelami isi hati masyarakat Islam setempat serta pendekatan teknikal dengan mengambilkira teknologi peralatan ukur terkini yang ada di pasaran seperti Unmanned Aerial Vehicle (UAV). Kelibat seorang juruukur Islam sentiasa membayangi apa saja bidang terutama keagamaan yang memerlukan keterlibatan profesionalisma. Kenapa tidak? Kajian ini mendapati bahawa peranan kerajaan tempatan juga penting untuk dibawa bersama bagi memelihara kebijakan dan kesejahteraan hidup penduduk-penduduk dalam kawasan pentadbirannya.*

## **SEKAPUR SIREH**

Menyentuh soal inovasi, memetik keratan Akhbar Berita Harian Ahad, 2 November 2014, *Malaysia Di Landasan Betul Perkuuh Inovasi*, Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia berada di landasan yang betul untuk memperkuuhkan agenda inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif terhadap budaya inovatif dan kreativiti.

Perkara ini terbukti melalui pelbagai usaha yang dilaksanakan kerajaan dalam memperkasakan agenda inovasi Negara. Malah kerajaan juga menyediakan peluang pembiayaan membangunkan cetusan idea kreatif dan inovasi berpotensi tinggi.

Usaha INSTUN menyahut seruan ini secara istiqamah dengan mengadakan Hari Inovasi setiap tahun telah memberi peluang pegawai dan kakitangannya yang berkemahiran di bidang masing-masing bagi menunjukkan apa yang sebenarnya boleh dikongsi dalam fitrah, watak dan bakat semulajadi yang diberi Tuhan sejak azali lagi.

Pada tahun ini, lagi sekali kelibat seorang juruukur akan membayangi bidang keagamaan yang amat diminatinya agar penggabungan ini akan membawa hasil yang baik demi kemaslahatan umum. Kenapa tidak? Hal dunia, kamu lebih mengetahui. Barulah dapat berjalan di muka bumi dengan aman.

## **PENGENALAN**

Petikan akhbar Berita Harian Ahad, 2 November 2014 pada tajuk “Mu’alim Bakal Daerah Baharu Perak” sedikit sebanyak membuka ruang pemikiran bahawa soal perubahan persempadanan adalah sesuatu yang tidak tetap dan boleh diubah mengikut kesesuaian dan faktor mendatang. Apatah lagi jika sesuatu perubahan itu didasarkan kepada tahap profesionalisma dan serta inovasi kepada kemaslahatan umum.

Merujuk kepada akhbar Sinar Harian bertarikh 3 November 2014 atas tajuk “Kajian Persempadanan Diwarta Bulan Depan”, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dijangka mewartakan notis Kajian Semula Persempadanan bagi kerusi Parlimen dan Dun penghujung tahun ini. Kewajaran persempadanan semula ini merupakan satu daripada tanggungjawab utama SPR di bawah Perlembagaan bagi memastikan pengundi mudah mendapat perkhidmatan wakil rakyat masing-masing apabila sesebuah kawasan pilihanraya yang luas dikecilkan atau dipecah dua, seperti kawasan yang mempunyai pengundi lebih daripada 100,000 orang.

## **LATARBELAKANG**

Melalui pertemuan ringkas tetapi amat bermakna dengan En. Mahruzaman bin Misran, Pengurus Masjid at Taqwa, Proton City (MTPC), Tanjung Malim pada 31 Oktober 2014, beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana MTPC yang dulu hanya sebuah surau telah memperolehi kelulusan mendapat status masjid dan mendapat izin untuk mengerjakan solat Jumaat buat pertama kalinya pada 16 Januari 2009. Perasaan ini dikongsi bersama dengan masyarakat Islam setempat dan penduduk yang mendiami perumahan Proton City.

Asalnya surau berstatus solat Jumaat untuk warga Proton City, kilang dan vendor proton. Bersempadankan lot padang ragut yang dibeli Proton seluas 2000 ekar. Sebahagiannya telah dijual kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang akhirnya mendapat masjid sendiri iaitu Masjid al-Mursyidin yang disasarkan khusus untuk staf dan pelajar UPSI sendiri.

Persoalannya sekarang di manakah pula sempadan baru kariah MTPC tersebut? Adakah penduduk Islam sekitar Proton City amat mengetahui apa yang sedang berlaku ini? Apakah tanda di lapangan yang menandakan perenggan atau sempadan kariah MTPC? Adakah pihak Proton City Development Corporation (PDC) perlu mencari tapak baru tanah perkuburan sendiri? Adakah Masjid al-Mursyidin di kampus baru UPSI masih layak untuk dilakukan solat Jumaat kerana jarak dengan MTPC hanya dalam lingkungan 3 km?

Apabila melihat kepada potensi isu ini maka tajuk ini akan dicadangkan sebagai salah satu kertas kajian penyelidikan Bahagian Ukur dan Pemetaan bagi tahun 2015. Skop penulisan ini hanya berkisar kepada isu luaran yang relevan tanpa pendekatan memandangkan kekangan masa dan ruang.

## KATEGORI SURAU/MASJID

### 1. Masjid Asal

Masjid Jamek Behrang Ulu (MJB) adalah contoh masjid yang telah lama dibina seawal tahun 1940-an seperti yang dijelaskan oleh bilal, Tn. Hj. Mohd Arip bin Sidek dalam pertemuan pada 29 Oktober 2014. Tn. Hj. Adnan bin Gudang, Imam II, MJB juga memperjelaskan bahawa hanya Kampung Bt. 7 dan Bt. 8 terletak dalam kariah MJB.

### 2. Surau yang tidak dibenar menuaikan solat Jumaat

Satu contoh yang diperolehi dari Ustaz Zainuddin bin Karman adalah Surau Al Malikul Soleh, Kampung Melayu Subang Tambahan di Selangor. Beliau menjelaskan bahawa syarat untuk melayakkan sesuatu surau itu mendirikan solat Jumaat serta menjadi masjid adalah:-

- a. perlu ada 30 buah paip untuk mengambil wudhu'
- b. ruang parkir yang mencukupi
- c. ada sejumlah Jemaah di setiap solat waktu
- d. tidak ada masjid dalam lingkungan 10 km
- e. ada 40 keluarga tetap yang bermukim [penduduk tetap – mengambil kira kriteria Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu telah duduk melebihi 3 bulan di sesuatu tempat]
- f. mempunyai aktiviti mengimarahkan surau yang mempunyai tarikan seperti kuliah Suboh sekurang-kurangnya sebulan sekali

### 3. Surau yang dibenarkan bersolat Jumaat tetapi kekal sebagai sebuah surau

Surau Darussalim, Jalan Sg. Buloh, Selangor adalah salah satu contoh dalam kategori ini di mana walaupun syarat seperti di para 2 di atas telah dipenuhi, tetapi

memandangkan masih belum ada tapak perkuburan maka ia masih kekal di bawah pentadbiran Masjid Taman Subang Perdana, Subang.

#### 4. Masjid yang asalnya sebuah surau

Satu contoh yang baik adalah Masjid Cahaya Iman (MCI), Bandar Country Homes, Rawang, Selangor yang menggantikan Surau An-Nur. Lokasi MCI dianjak 580 meter ke tempat yang lebih strategik serta mudah dikunjungi. Sebagai seorang setiausaha yang dilantik, En Muhammad Jafarudin bin Sheik Daud menjalankan usaha yang murni sehingga terbangunnya sebuah masjid ini sejak tahun 2008 untuk meringankan beban masyarakat Islam setempat yang terpaksa menunaikan solat Jumaat di Masjid Nurul Iman di Batu 18, Jalan Rawang sejauh 8.1 km.

## **SEMPADAN KARIAH MASJID DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mengikut seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004, “masjid” bermaksud suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu manakala “ahli kariah” ertinya seseorang yang secara tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kariah masjid.

Seksyen 87 (3) pula menyatakan, Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam warta, menentukan atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.

Ustaz Hj Arifin bin Shuib, Pegawai Penyelaras Masjid yang dapat ditemui pada 17 Oktober 2014, mempunyai pandangan yang sama dalam memetakan persempadanan bagi setiap masjid.

Malah beliau amat bersetuju jika ada pihak terutamanya pihak INSTUN dapat membantu ke arah membentuk satu medium, sama ada peta atau pelan yang memaparkan sempadan kariah masjid.

Bertemu dengan En Baharuddin bin Yusof, pensyarah dan pakar rujuk hal ehwal berkaitan tanah pada 6 November 2014 adalah dirasakan amat bertuah kerana banyak pencerahan mengenai isu ini dapat terakam.

Beliau menyatakan bahawa buat masa ini memang tiada satu peta atau pelan yang menunjukkan sempadan kariah sesuatu masjid itu. Mengimbas ke belakang, beliau pernah terlihat satu monumen di kawasan Terong yang menunjukkan perenggan atau sempadan sesuatu mukim iaitu batu konkrit setinggi 3 – 4 kaki berbucu tiga yang diletakkan di pertemuan tiga mukim.

Tapi beliau setuju jika dapat diwujudkan pelan kariah masjid dan boleh menggunakan peruntukan pewartaan seperti dalam Seksyen 16 Kanun Tanah Negara. Satu cadangan yang menarik.

Oleh kerana kerajaan tempatan adalah merupakan struktur pentadbiran awam yang terendah dan yang paling dekat kepada orang ramai, satu temu janji dengan En Hafizul bin Abu Bakar, juruteknik perancang bandar dan wilayah, Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) telah diadakan pada 7 November 2014 bagi melihat pelan-pelan yang tersedia ada di MDTM.

Tidak dinafikan bahawa MDTM sentiasa berusaha melalui perancangan yang tiada henti demi kemaslahatan penduduk di Tanjung Malim dan Slim River. Pelan Induk Pembangunan MDTM 2011 – 2021 : Cadangan Projek Strategik (Lampiran A) telah memaparkan secara jelas, projek akan dilaksanakan tetapi pelan yang ada tiada memaparkan sempadan kariah masjid. Termasuklah dokumen Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2020 (No. Warta 2364; 8 Disember 2011) dan Pelan Panduan Gunatanah Utama 2010 Tanjung Malim – Slim River (Skala 1 inci : 64 rantai).

Sebagai penduduk di Tanjung Malim, saya amat teruja melihat satu pelan Cadangan Malaysia International Cargo Airport (MIC) : Lot 6084 (2,487 ha/6145.5 ekar). Tapi di mana pelan sempadan kariah masjid. Memang tiada.

## **PELAN BAGI PERSEMPADANAN KARIAH MASJID**

Pelbagai jenis peta dan pelan telahpun ada pemilihan pelan sesuai untuk dijadikan medium memlot kawasan kariah masjid. Antara pelan yang sedia ada adalah seperti berikut:-

### **1. Pelan Warta (PW)**

PW adalah satu dokumen atau pelan yang disediakan untuk mewartakan sesuatu kawasan dengan rujukan pelan yang didepositkan atau yang ada terdapat di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Kebiasaannya PW berskala besar untuk memudahkan pengguna. PW mempunyai 5 kategori bagi penyiaran notis tertentu dan pemberitahuan iaitu:-

- a. pengisytiharan;
- b. pindaan;
- c. tambahan;
- d. pengeluaran; dan
- e. pemansuhan.

Contohnya, permohonan dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi mewartakan lot 490 (PA 121927) sebagai satu tempat larangan (W.P. PW 483 berskala 1 : 300). Walau bagaimanapun, kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) adalah diperlukan sebelum sesuatu pelan warta disediakan.

### **2. Pelan Pelbagai (PP)**

Ini adalah pelan yang dilukis selain pelan ukuran untuk hakmilik (pelan akui) dan pelan warta. Pelan akan disediakan bergantung kepada keperluan dan permintaan dari pemohon. Contoh adalah seperti:-

- a. pengukuran balapan sukan,

- b. pengukuran butiran,
- c. ukuran pengesahan sempadan dll

Contohnya Pelan 400 meter Trek Sukan (Balapan) Stadium Merdeka (Skala 1 inci : 30 kaki). Juga PP yang menunjukkan cadangan pemberimilikan sebahagian rizab bangunan persekutuan seksyen 97 Bandar Kuala Lumpur kepada Sultan Pahang (skala 1 : 750)

### 3. Pelan Hakmilik Tanah

Ia dikeluarkan bagi mematuhi peruntukan Sek. 86(c) dan 87(c) KTN 1965. Pelan Hakmilik Strata dikeluarkan mengikut Sek. 16(2)(b) Akta Hakmilik Strata 1985. Pajakan melombong dikeluarkan mengikut Sek. 27 Enakmen Lombong. Pelan-pelan hakmilik ini diambil sama ada sebahagian atau keseluruhan dari salinan pelan akui asal berserta pernyataan sijil yang berasingan.

### 4. Pelan Permohonan Ukur (PU)

Ia adalah pelan tanah yang telah diperenggan dan disertakan bersama PU untuk proses pengukuran halus.

### 5. Pelan Pra-Hitungan (Pre Comp Plan)

Pelan yang menunjukkan susunatur cadangan sempadan baru lot-lot yang hendak dijalankan di atas sesuatu kawasan berasaskan pengiraan dari data ukur sedia ada atau data relevan yang lain.

### 6. Pelan Kunci

Pelan yang menunjukkan keseluruhan persekitaran sesuatu lot ataupun kawasan yang hendak dibangunkan pada skala kecil.

## 7. Pelan Lokasi

Kadang-kadang dikenali sebagai Pelan Tapak yang menunjukkan kedudukan lot ataupun kawasan kerja ukur dengan lot-lot lain yang berhampiran pada skala yang lebih besar daripada skala Pelan Kunci.

## 8. Syit Piawai

Ia memaparkan keseluruhan maklumat lot-lot tanah bagi ukuran kadaster yang mempunyai siri yang seragam untuk dibezakan dengan negeri lain.

## **CADANGAN PELAN BAGI PEMETAAN SEMPADAN KARIAH MASJID**

Setelah mengadakan perbincangan dengan Ustaz Arifin serta En Hasni bin Omar dari JUPEM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dicadangkan penggunaan Pelan Pelbagai (Lampiran B) untuk tujuan memetakan kawasan kariah sesuatu masjid itu. Daripada pemerhatian, kriteria persempadan bagi sesuatu kawasan kariah masjid seperti berikut :-

- a. Masjid Sultan Idris Shah II, Slim River amat sesuai menggunakan objek semulajadi di lapangan sebagai sempadan kariah masjid seperti jalanraya, sungai, jalan keretapi dan yang berkaitan (Lihat Lampiran C). Lampiran D adalah cadangan bagi Masjid Proton City dan Masjid al Mursyidun di UPSI;
- b. Menggunakan kawasan poskod yang dikeluarkan pejabat pos;
- c. Kawasan “pemerintahan” pendaftar perkahwinan boleh juga diambilkira tetapi tidak sesuai bagi Masjid Proton City kerana selama 14 tahun bertugas sebagai Naib Kadhi, Ustaz Yusnizan mengatakan hanya 6

permohonan perkahwinan yang diterima dari penduduk Proton City untuk pemprosesan;

- d. Kepadatan penduduk merupakan faktor yang menyumbang kerana jika di Kamunting saja, terdapat 4 orang Naib Kadhi tetapi di Kedah, seorang jurunikah ditetapkan bagi setiap 3 buah masjid;
- e. Bagi Masjid al-Mursyidun, ia dibina dan mendapat status masjid kerana tujuan khusus bagi menampung pelajar UPSI serta stafnya;
- f. Sempadan kariah juga boleh digunakan bagi tanda permulaan memulakan niat bermusafir dan bagi menunaikan solat jama' dan qasar;
- g. Tanah perkuburan tidak berapa kritikal untuk persempadanan tapi boleh diambilkira kerana telah kedengaran suara-suara yang tidak enak didengar apabila jenazah dari kawasan Proton City ditanam di Tanah Perkuburan Kg. Batu 7, Sekiah. En Shaari dari PDC juga mengakui kesahihan isu ini dan memohon pihak INSTUN untuk memetakan kawasan perumahan Proton City bagi mendapatkan kawasan yang sesuai untuk tapak baru tanah perkuburan Proton City.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Idea bagi memetakan kawasan kariah masjid walaupun tidak kritikal tetapi ianya dapat memudahkan urusan pentadbiran termasuk isu penempatan naib kadhi, amil zakat, pewujudan tanah perkuburan baru seiring dengan tugas Penguasa Tempatan yang sentiasa berusaha agar rakyat dapat menikmati hidup yang selesa dan harmoni.

Daripada temubual dengan kakitangan Kilang Proton, ada beberapa faktor yang menyebabkan mereka masih tidak menggunakan Masjid at Taqwa, Proton City sebagai destinasi solat Jumaat. Tidak perlu salahkan mereka dan melalui paparan di Lampiran E, kita akan tahu bahawa ada faktor lain yang menyebabkan mereka “lari” ke Masjid Jamek Behrang Ulu untuk menunaikan solat Jumaat.

Dicadangkan dengan adanya teknologi terkini peralatan ukur seperti Unmanned Aerial Vehicle (UAV) yang boleh terbang di bawah awan, dibandingkan dengan penggambaran udara konvensyenal yang menelan kos tinggi, maka urusan pemetaan kariah masjid akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

## **Senarai Rujukan**

1. Al Quran Karim
2. Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL
3. Buku Panduan Tugas : Jawatankuasa Kariah Dan Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan, Terbitan Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Perak Darul Ridzuan
4. Wadah Majlis Agama Islam Dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) Bil. 10 Edisi Pertama 2013
5. Petikan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 : Warta Kerajaan Jilid 57 Bilangan 19
6. Zahari, A.R., *Memahami Kerajaan Tempatan di Malaysia*, Siri Kemasyarakatan Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1992

7. Keratan akhbar Berita Harian, 18 Jun 2014, Jurukur Digesa Tambah Baik Data Spatial
8. Wawancara dengan Ustaz Hj. Arifin bin Shuib, Pegawai Penyelaras Masjid, Daerah Slim River, Perak di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Slim River pada 17 Oktober 2014
9. Wawancara Dengan Ustaz Zainuddin bin Haji Karman, Pengurus Surau Madrasatul Falahiyah, Desa Melayu Subang Tambahan, Seksyen U5, Shah Alam, Selangor pada 22 Oktober 2014
10. Wawancara dengan Tn Hj Adnan bin Gudang, Imam 2 dan Tn Hj Mohd Arip bin Sidek, Bilal di Masjid Jamek Behrang Ulu pada 29 Oktober 2014
11. Temubual dengan Ustaz Yusnizan, Imam Masjid Jamek Tanjung Malim merangkap Naib Kadhi pada 30 Oktober 2014
12. Wawancara dengan En Muhammad Jafarudin bin Sheik Daud, Setiausaha Masjid Cahaya Iman (An-Nur) di Rawang pada 2 November 2014
13. Keratan Akhbar Berita Harian Ahad, 2 November 2014, *Malaysia Di Landasan Betul Perkukuh Inovasi*
14. Keratan Akhbar Berita Harian Ahad, 2 November 2014, *Mu'alim Bakal Daerah Baharu Perak*
15. Keratan Akhbar Sinar Harian, 3 November 2014, *Kajian Persempadanan Diwarta Bulan Depan*
16. Wawancara dengan En Baharuddin, pensyarah dan pakar rujuk hal ehwal berkaitan tanah pada 6 November 2014 di INSTUN
17. Wawancara Dengan En Hafizul bin Abu Bakar, Penolong Pegawai Perancang, Unit Perancang dan Pembangunan, Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) pada 7 November 2014